

# Pelaburan asing manfaatkan rakyat

B/H 7/12/14 MS 5

## » Peningkatan FDI negara wujud peluang pekerjaan baharu

Oleh Shahrizan Salian dan Mohd Zaky Zainuddin  
bhbiz@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**eningkatan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) Malaysia tahun lalu, akan menghasilkan pelbagai manfaat secara langsung kepada rakyat.

Penganalisis ekonomi berpendapat, manfaat berkenaan terutama mewujudkan industri ber-

nilai tambah tinggi yang akan menawarkan pekerjaan baharu.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata peningkatan sehingga 24 peratus FDI pada 2013 adalah perkembangan positif memandangkan kerajaan begitu teliti dan selektif dalam meluluskan sesebuah pelaburan.

Katanya ketika dihubungi BH semalam, antara perkara menjadi pertimbangan kerajaan adalah nilai tambah yang tinggi terhadap sesuatu projek.

“Justeru, secara tidak langsung, kriterianya agak tinggi kerana lebih menumpukan industri berasaskan intensif modal. Peningkatan FDI juga hasil usaha keras kerajaan menarik pelaburan berdaya maju itu yang akan dapat mengimbangi sebarang keadaan tidak menentu dicetuskan per-

kembangan luaran.

### Swasta pacu ekonomi

“Jika arah aliran sebegini diteruskan, tentu ekonomi negara akan dipacu pelaburan swasta. Strategi ini dilihat bijak memandangkan pertumbuhan berasaskan kepenggunaan, dijangka lebih perlahan tahun ini,” katanya.

Mohd Afzanizam berkata, perbelanjaan kerajaan seperti perbelanjaan mengurus dan pembangunan juga dapat dikurangkan apabila pertumbuhan ekonomi lebih didorong swasta.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), semalam mengumumkan FDI Malaysia tahun lalu meningkat 24 peratus kepada RM38.77 bilion, berbanding RM31.12 bilion pada 2012.

Ita mengatasi rekod tertinggi kemasukan FDI ke negara ini berjumlah RM37.33 bilion pada 2011, iaitu peningkatan 3.9 peratus walaupun berhadapan pemulihan

“  
Peningkatan sehingga 24 peratus FDI pada 2013 adalah perkembangan positif memandangkan kerajaan begitu teliti dan selektif dalam meluluskan sesebuah pelaburan”

**Mohd Afzanizam Abdul Rashid,**  
Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd

perlahan dan persekitaran ekonomi tidak menentu.

Di **Johor Bahru**, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengingatkan kerajaan agar bersifat selektif dalam memilih FDI supaya lebih memberi manfaat berkata, walaupun prospek FDI tahun ini baik, ia perlu dilihat secara teliti agar tidak merugikan negara.

### Bantu pembangunan negara

“Pelaburan itu mesti bantu pembangunan negara. Kalau tidak, kita akan jadi tempat mengeluarkan barangan untuk kepentingan mereka (pelabur asing) saja,” katanya sambil menegaskan, nilai FDI tidak harus menjadi penentu, sebaliknya sumbangan syarikat dari segi pemindahan teknologi, kepakaran teknikal dan sebagainya,” katanya.